

## Pelajar UPSI, Danish Iftikhar Roslee, Raih Pingat Gangsa di Peringkat Antarabangsa

**India, 10 Ogos** - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sekali lagi mengharumkan nama negara apabila salah seorang pelajarnya, Danish Iftikhar Muhammad Roslee, berjaya meraih pingat gangsa dalam kejohanan olahraga bertaraf antarabangsa, World Athletics Continental Tour Bronze.

Danish Iftikhar, atlet berusia 18 tahun dari program Malaysia Juara UPSI, merupakan pelajar Diploma Sains Sukan dan Kejurulatihan dari Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan (FSSK). Beliau berjaya menunjukkan prestasi cemerlang dalam acara olahraga 100m.

Kejohanan tersebut telah berlangsung di India pada 10 Ogos 2025. Danish Iftikhar berlepas ke India pada 8 Ogos

bersama 14 orang atlet lain mewakili Malaysia untuk menyertai kejohanan tersebut.

Profesor Datuk Dr Md Amin Md Taff, Naib Canselor UPSI, melahirkan rasa bangga dengan pencapaian yang diraih oleh Danish. "Kejayaan Danish membuktikan bahawa program pembangunan atlet yang kita jalankan di UPSI membuahkan hasil yang cemerlang. Ini juga selari dengan misi universiti untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, tetapi juga berkemahiran tinggi dalam bidang sukan," ujar beliau.

Sementara itu, Profesor Dr Norkhalid Salimin, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UPSI, mengucapkan tahniah kepada Danish atas semangat juang yang tinggi. "Kami sentiasa menyokong penuh para pelajar yang mewakili universiti dan negara di peringkat antarabangsa. Kejayaan ini adalah bukti komitmen Danish dan juga hasil bimbingan para jurulatih yang tidak pernah mengenal erti penat lelah," katanya.

Pencapaian ini diharapkan dapat menjadi inspirasi kepada pelajar-pelajar lain untuk terus berusaha gigih dalam bidang akademik dan sukan demi mencapai kejayaan di peringkat yang lebih tinggi. Seluruh warga UPSI mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Danish Iftikhar atas kejayaan yang membanggakan ini.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN





## Penyanyi Syafinaz dilantik Profesor Adjung UPSI

**Kuala Lumpur, 9 Ogos** - Penyanyi dan guru vokal terkenal, Datuk Syafinaz Selamat dilantik sebagai Profesor Adjung di Fakulti Muzik dan Seni Persembahan (FMSP), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bermula 1 Julai 2025 hingga 30 Jun 2026. Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff, berkata pelantikan itu adalah satu penghormatan besar daripada universiti dan selaras dengan usaha membawa tokoh industri seni ke dalam ekosistem akademik.

“Beliau (Syafinaz) adalah figura seni yang mempunyai reputasi tinggi bukan sahaja sebagai penyanyi dan penggiat seni, tetapi juga pendidik berpengalaman luas.

“Kehadiran beliau akan membuka ruang kepada pertukaran idea, inovasi pembelajaran dan penghasilan karya seni berkualiti tinggi,” katanya dalam kenyataan hari ini. Md Amin berkata, pelantikan itu diharap menjadi pemangkin kepada penghasilan bakat baharu

yang lebih kompetitif di peringkat global, khususnya dalam bidang muzik dan seni persembahan. Sementara itu, Dekan FMSP UPSI, Prof Madya Dr Muhammad Fazli Taib Saearani berkata, pelantikan Syafinaz selama setahun diyakini dapat memperkukuh hubungan strategik antara fakulti dan industri muzik, di samping memperkaya aktiviti akademik, penyelidikan serta seni persembahan. “Kami melihat pelantikan ini sebagai peluang besar membina jambatan antara dunia akademik dan industri muzik profesional,” katanya.

Beliau berkata, pelantikan Syafinaz akan memperkaya kurikulum melalui perkongsian pengalaman, sesi bimbingan, bengkel vokal dan projek kolaborasi melibatkan pelajar serta tenaga pengajar. “Dengan jaringan profesional yang dimiliki, fakulti ini diyakini berpeluang membina kolaborasi antarabangsa sekali gus mengangkat jenama UPSI di pentas global,” katanya.

## UPSI Cipta Rekod Anjur Majlis Persaraan Pertama Bawah Laut

**Terengganu, 10 Ogos** - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui Pusat Alumni mencatat sejarah apabila menganjurkan Majlis Persaraan Bawah Laut Pertama di Malaysia yang diiktiraf oleh Malaysia Book of Records (MBR).

Majlis bersejarah itu diadakan bagi meraikan persaraan Cikgu Aznan Abas, pendidik berpengalaman lebih tiga dekad dalam bidang

pendidikan di Terengganu, yang dikenali dengan kepakarannya dalam pendidikan luar dan rekreasi.

Berlangsung di dasar laut Pulau Redang, acara tersebut menyaksikan Cikgu Aznan, lengkap berbaju tema Melayu, melakukan aksi simbolik memasukkan kad buat kali terakhir ke dalam mesin pengetik waktu dengan latar kain rentang khas di dasar laut.



## Penyelidik UPSI Cipta Kit Ujian eDNA ARO-1A Bantu Selamatkan Spesies Kelisa Emas Malaysia

Satu inovasi tempatan, ARO-1A, merevolusikan kaedah pengesanan spesies Kelisa Emas (*Scleropages formosus*) di Malaysia sekali gus memperkukuh usaha pemuliharaan ikan hiasan bernilai tinggi yang kini diancam kepupusan.

Dibangunkan berasaskan teknologi environmental DNA (eDNA), kit ujian PCR digital ini mampu mengesan kehadiran kelisa emas di habitat air tawar dengan cepat, tepat dan tanpa mengganggu ekosistem. Kaedah ini membolehkan pemantauan dilakukan tanpa perlu menangkap ikan atau merosakkan habitat berbeza dengan kaedah tradisional yang memerlukan operasi lapangan intensif.

Menurut Dr. Adibah, penyelidik utama projek ini, penggunaan ARO-1A dapat membantu agensi kerajaan, institusi penyelidikan, dan komuniti nelayan mengesan populasi kelisa emas secara lebih efisien. “Teknologi ini bukan sahaja memudahkan

kerja lapangan, malah dapat mengurangkan kos pemantauan sehingga 50 peratus berbanding kaedah konvensional,” katanya.

Kos pembangunan kit ini dianggarkan hanya RM200.00 bagi setiap sampel menjadikannya alternatif lebih murah dan mudah digunakan. Potensi penggunaannya melangkaui pemuliharaan termasuk dalam sektor pelancongan, perikanan rekreasi dan akuakultur. Pemancing boleh mengenal pasti lokasi berpotensi sebelum merancang aktiviti manakala penternak dapat memantau kehadiran spesies ini dalam kolam ternakan mereka.

ARO-1A turut membuka ruang kerjasama antara penyelidik, pihak berkuasa dan masyarakat setempat dalam usaha memelihara ekosistem air tawar negara. Kejayaan inovasi ini telah mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila meraih pingat emas di Pameran Rekacipta,

Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2025.

Kelisa emas yang terkenal sebagai simbol status dan membawa nilai pasaran tinggi di dalam dan luar negara disenaraikan sebagai spesies terancam di bawah Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Flora dan Fauna Liar Terancam (CITES). Usaha melindunginya kini diperkasa melalui teknologi moden seperti ARO-1A yang diharap menjadi alat penting dalam mengekalkan populasi spesies ini untuk generasi akan datang.

### Nama Ketua dan Rakan Penyelidik:

Dr. Adibah Abu Bakar – Ketua (UPSI)  
Dr. Syazwan Saidin (UPSI)  
Nurul Affiqah Edora Mohd. Azhar (UPSI)  
Dr. Intan Faraha A.Ghani (UNISEL),  
Prof. Madya. Dr. Amirrudin Ahmad (UMT)  
Prof. Siti Azizah Mohd Nor (UMT)  
Dr. Haslawati Baharuddin (FRI)

